

01 JAN 1997

Polis-Tambahan

POLIS DIMINTA TAMBAH ANGGOTA DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 1 Jan (Bernama) -- Kerajaan Negeri hari ini meminta Ketua Polis Negara menempatkan lebih ramai anggota polis di negeri ini terutama di Cawangan Trafik dan Polis Pelancong bagi memastikan 50 acara raksaksa yang diatur sepanjang tahun ini berjalan lancar.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Pembangunan Wanita Negeri Datuk Kee Phaik Cheen berkata penambahan itu perlu memandangkan bilangan anggota yang ada kini tidak mencukupi untuk tujuan itu.

Beliau berkata kerajaan negeri telah mengatur pelbagai program menarik sepanjang tahun ini dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelancong antarabangsa.

Antara acara yang dirancang ialah Pesta Filem peringkat Asia Timur yang akan diadakan September ini, katanya kepada pemberita selepas menyambut kira-kira 500 pelancong di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini hari ini.

Acara menyambut pelancong dengan kumpulan kompiang dan bunga manggar itu diadakan dengan setiap pelancong yang tiba hari ini diberi sehelai baju T, bunga telor dan buletin acara pelancongan sepanjang tahun.

Sambutan yang sama juga dibuat di stesen keretapi di Butterworth.

Kee berkata untuk pesta filem yang akan diadakan yang akan dijadikan acara tahunan itu, Kerajaan Negeri akan menaja 30 piala bernilai RM150,000.

Memorandum persefahaman mengenai penganjuran pesta yang dijangka menelan belanja RM1.5 juta itu akan ditandatangani dengan sebuah syarikat tidak lama lagi, katanya.

Selain itu, Perdana Menteri Datuk seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Pusat Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) bernilai RM180 juta.

Beliau berkata selaras dengan usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelancong, kerajaan negeri juga akan memastikan kemudahan infrastruktur terutama di lapangan terbang dipertingkatkan dan mampu menampung keperluan sehingga tahun 2,008.

-- BERNAMA

NH SN